



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/11/76 (HQ)

### SUMBANGAN TNB UNTUK PELAJAR B40 CERIA KE SEKOLAH

- 750 terima pakaian seragam & alat tulis

Seramai 750 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan (B40) di sekitar kejiranan Ibu Pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB), di Bangsar menerima sumbangan persekolahan sesi 2020 tajaan syarikat utiliti nasional itu.

Pelajar-pelajar berkenaan terdiri daripada SMK Bangsar, SMK Seri Pantai, SMK Bukit Bandaraya, SK Bangsar, SK Bukit Pantai dan SK Bukit Bandaraya.

Sumbangan pakaian seragam, kasut dan beg sekolah serta alat tulis yang bernilai RM200 disampaikan Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie dalam satu majlis di Ibu Pejabat TNB di sini hari ini.

“Penyerahan sumbangan hari ini adalah bukti keprihatinan TNB terhadap ‘jiran tetangga’ kami di Lembah Pantai.

“Telah menjadi Tanggungjawab Korporat (CR) kami untuk memberi semula kepada masyarakat, lebih-lebih lagi dalam bidang pendidikan untuk generasi masa depan,” kata Moggie.

Turut hadir, Ahli Parlimen Lembah Pantai, YB Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil.

Moggie menjelaskan bahawa usaha TNB untuk memastikan generasi masa depan agar terus menerima pendidikan sempurna adalah selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 yang diumumkan Kerajaan.

“Dengan adanya pendidikan yang lebih baik, ia mampu mengubah banyak perkara dalam kehidupan. Anak-anak yang dibantu ini diharapkan akan berjaya dan kejayaan itu kelak bakal dinikmati bersama oleh keluarga mereka,” tambahnya.

Program Ceria Ke Sekolah mula dilancarkan pada 2013 dengan matlamat mengurangkan beban keluarga berpendapatan rendah (B40) bagi menghadapi sesi persekolahan baru.

Ia adalah inisiatif Tanggungjawab Korporat berfokuskan pendidikan yang meliputi seluruh negara, dengan lebih RM1 juta diperuntukkan untuk membantu lebih 5,000 pelajar daripada keluarga B40 tahun ini.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 November 2019, jam 3.00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid (013-3626923) /  
Grace Tan (016-6626229) / Nasir Aziz (018-9434524)  
atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

**Captions:**



Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (duduk) menyampaikan sumbangan kepada pelajar pendidikan khas dari SK Bukit Bandaraya, Muhammad Emril Zafwan pada Majlis Ceria Ke Sekolah sesi persekolahan 2020 di Ibu Pejabat TNB di Bangsar pada Jumaat, 22 November 2019. Sumbangan turut disampaikan (dari kiri) Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar & Pudu, Anuar Hussin, Ketua Pegawai Penjanaan TNB, Ir. Roslan Abd Rahman, Datuk, Ketua Pegawai Grid TNB, Datuk Ir. Husaini Husin dan Ketua Pegawai Insan TNB, Dato' Muhammad Razif Abdul Rahman.



Sebahagian pelajar dari sekolah di kawasan kejiranannya yang menerima sumbangan bantuan “Ceria ke Sekolah” berupa kelengkapan sekolah bagi sesi persekolahan 2020 anjuran TNB di Ibu Pejabat TNB pada Jumaat, 22 November 2019.



Ahli Parlimen Lembah Pantai, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil; Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar Pudu, Anuar Hussin; Pengurus TNB, Tan Sri Leo Moggie serta barisan pengurusan tertinggi TNB merakamkan foto bersama-sama 750 penerima sumbangan Ceria Ke Sekolah berupa peralatan dan keperluan bagi persekolahan sesi 2020 di Ibu Pejabat TNB pada Jumaat, 22 November 2019. Sumbangan diberi kepada pelajar serta murid dari sekolah rendah dan sekolah menengah sekitar kawasan kejiranannya.